


Oleh Presiden Thomas S. Monson



# Kurnia Pertaubatan

**P**residen Thomas S. Monson telah mengajar, “Tanggungjawab kita adalah untuk maju dari tahap sederhana ke tahap kecekapan, dari kegagalan ke pencapaian.” “Tugas kita adalah untuk menjadi diri kita yang terbaik. Salah satu kurnia terbesar dari Tuhan kepada kita ialah kegembiraan untuk berusaha semula, kerana tiada kegagalan yang perlu menjadi muktamad.”<sup>1</sup>

Kita sering menghubungkan kedatangan tahun baru dengan resolusi dan matlamat. Kita berazam untuk menjadi lebih baik, untuk berubah, untuk cuba lagi. Mungkin cara yang paling penting untuk mencuba lagi adalah dengan menghayati apa yang Presiden Monson gelar “kurnia pertaubatan.”<sup>2</sup>

Berikutan petikan dari ajaran-ajarannya sejak dia menjadi Presiden Gereja, Presiden Monson menasihati kita untuk “kenakanlah darah korban tebusan Kristus agar kita boleh menerima pengampunan akan dosa-dosa kita, dan hati kita boleh dimurnikan.”<sup>3</sup>

## Mukjizat Keampunan

“Kita semua pernah membuat pilihan yang salah. Jika ada yang belum membetulkan pilihan-pilihan tersebut, saya memberi jaminan kepada anda bahawa terdapat jalan pembaikan. Proses ini dipanggil pertaubatan. Saya merayu kepada anda untuk membetulkan kesalahan-kesalahan anda. Juruselamat kita mati untuk memberi anda dan saya kurnia yang diberkati itu. Walaupun perjalanan itu tidaklah mudah, namun janji itu benar: ‘Walaupun kamu merah marak kerana dosa kamu, Aku akan mencuci kamu sehingga menjadi putih seperti salji’ [Yesaya 1:18]. “Aku, Tuhan, tidak mengingatinya lagi.” [A&P 58:42]. Jangan merisikokan kehidupan abadi anda. Jika anda telah berdosa, lebih cepat anda kembali dari kesalahan itu, lebih cepat anda dapat

memperoleh kedamaian dan kegembiraan manis yang datang dari mukjizat keampunan.”<sup>4</sup>

## Kembali Ke Jalan

“Walaupun itu mustahak bagi kita untuk memilih dengan bijaksana, ada masa kita akan membuat pilihan yang bodoh. Kurnia pertaubatan, yang disediakan oleh Juruselamat, membolehkan kita untuk mengubah kehidupan kita, supaya kita boleh pulang ke jalan yang akan membimbing kita ke kemuliaan selestial yang kita carikan.”<sup>5</sup>

## Jalan Untuk Kembali

“Jika ada di antara kamu yang tersandung dalam perjalanannya, saya memberi jaminan kepada anda bahawa terdapat jalan untuk kembali. Proses ini dipanggil pertaubatan. Walaupun jalan ini susah, keselamatan abadi anda bergantung kepadanya. Apakah yang lebih layak bagi usaha anda? Saya merayu kepada anda untuk menentukan di sini dan sekarang langkah yang penting untuk bertaubat sepenuhnya. Lebih cepat anda lakukannya, lebih cepat anda boleh merasai kedamaian, keamanan dan jaminan yang disebutkan oleh Yesaya [lihat Yesaya 1:18].”<sup>6</sup>

## Manusia Boleh Berubah

“Kita perlu ingat bahawa manusia boleh berubah. Mereka boleh hentikan tabiat yang buruk. Mereka boleh bertaubat dari pelanggaran. Mereka boleh memegang imamat dengan layak. Dan mereka boleh melayan Tuhan dengan tekun.”<sup>7</sup>

## Menjadi Bersih Semula

“Sekiranya terdapat apapun yang tidak beres dalam kehidupan anda, terdapatnya jalan keluar untuk anda. Hentikan

segala ketidaksolehan. Bercakaplah dengan uskup anda. Apapun masalahnya, ia boleh dibaikpulihkan melalui pertaubatan yang wajar. Anda boleh menjadi bersih semula.”<sup>8</sup>

### Peranan Penting Juruselamat

“Dasar rancangan [keselamatan] ialah Juruselamat kita, Yesus Kristus. Tanpa korban tebusan-Nya, semua akan hilang. Tetapi, hanya mempercayai Dia dan misi-Nya tidak mencukupi. Kita perlu berusaha dan belajar, mencari dan berdoa, bertaubat dan berkembang. Kita perlu tahu dan mematuhi undang-undang Tuhan. Kita perlu menerima tatacara penyelamatan-Nya. Hanya dengan berbuat demikian kita akan memperoleh kegembiraan abadi yang benar.”<sup>9</sup>

#### NOTA

1. “The Will Within,” *Ensign*, Mei 1987, 68
2. “Pilihan-pilihan,” *Liahona*, Mei 2016, 86.
3. Mosia 4:2
4. “The Three Rs of Choice,” *Liahona*, Mei 2010, 69.
5. “Pilihan-pilihan,” 86.
6. “Keep the Commandments,” *Liahona*, Nov. 2015, 85.
7. “See Others as They May Become,” *Liahona*, Nov. 2012, 68.
8. “Priesthood Power,” *Liahona*, Mei 2011, 67.
9. “Jalan Sempurna ke Kegembiraan,” *Liahona*, Nov. 2016, 80–81.

### MENGAJAR DARI PESANAN INI

Kita semua tidak sempurna—hanya melalui kurnia pertaubatan yang diperoleh daripada pengorbanan Yesus Kristuslah kita dapat dibersihkan dari dosa dan maju dalam kehidupan kita. Pertimbangkan untuk membincang dengan mereka yang anda ajar akan bagaimana kita “membetulkan perjalanan kita” melalui pertaubatan. Adakah mereka rasa lebih dekat dengan Bapa Syurgawi dan Yesus Kristus setelah melakukan perubahan-perubahan positif dalam kehidupan mereka? Anda boleh menjemput mereka yang diajar untuk mencatatkan resolusi-resolusi rohani tahun baru dan bertanggungjawab untuk melaporkan kemajuan mereka kepada seorang kawan, suami, isteri, atau ahli keluarga lain.

## REMAJA

### Berazam untuk Bertaubat

Presiden Monson menerangkan bahawa “tanggungjawab kita adalah untuk maju dari tahap sederhana ke tahap kecekapan, dari kegagalan ke pencapaian. Tugas kita adalah untuk menjadi diri kita yang terbaik.” Ramai orang mendedikasikan bulan Januari untuk membuat resolusi dan matlamat pembaharuan baru: untuk senyum lebih, makan dengan sihat, atau belajar

kemahiran baru. Walaupun matlamat-matlamat ini dapat membantu anda untuk menjadi lebih baik, cara terbaik untuk berubah adalah melalui pertaubatan.

Walaupun pertaubatan ada kalanya susah, ia merupakan satu kurnia! Apabila kita bergantung kepada Yesus Kristus dengan bertaubatkan dosa-dosa, kita akan dapat berkembang dan maju. Presiden Monson telah berkata, “Dasar rancangan [keselamatan] ialah Juruselamat kita, Yesus Kristus. Tanpa korban tebusan-Nya, semua akan hilang.” Melalui pertaubatan, kita boleh dibersihkan daripada dosa-dosa kita dan berkembang untuk menjadi lebih seperti Dia.

Fikirkan sesuatu yang mungkin menghindari anda daripada menjadi seperti Juruselamat. Adakah itu bahasa anda? Bagaimana anda melayani kawan-kawan dan keluarga anda? Setelah memikirkan apa yang anda dapat perbaiki, doa kepada Bapa Syurgawi dan ungkapkan keinginan anda untuk berubah. Ingatlah bahawa melalui kuasa Korban Tebusan-Nya, Yesus Kristus dapat membantu anda mengatasi kelemahan anda. Presiden Monson telah mengajar, “Kurnia pertaubatan, yang disediakan oleh Juruselamat, membolehkan kita membetulkan penetapan perjalanan kita.”

Walaupun matlamat-matlamat tahun baru dapat membantu anda berkembang, cara terbaik untuk berubah adalah melalui pertaubatan.

Lihat juga “Eight Myths about Repentance” di [lds.org/go/1186](https://lds.org/go/1186).

## ANAK-ANAK

### Pertaubatan merupakan Satu Kurnia

Kurniaan pertaubatan bukanlah satu kurnia yang anda boleh lihat atau sentuh. Sebaliknya, ia merupakan satu kurnia yang anda boleh rasa. Ini bermakna bahawa apabila kita membuat pilihan yang salah, kita boleh bertaubat dan berasa damai dan gembira semula.

Bapa Syurgawi dan Yesus akan sentiasa membantu kita bertaubat. Lukiskan satu gambar untuk setiap langkah pertaubatan.

Kita berasa bersalah.

Kita berdoa kepada Bapa di Syurga, memberitahu Dia apa yang telah berlaku, dan meminta bantuan-Nya untuk membuat pilihan yang lebih baik di masa depan.

Kita meminta maaf dan cuba membaik pulihkannya.

Kita merasa kedamaian dan ketahui bahawa kita telah diampuni.



Iman, Keluarga,  
Pertolongan

# Kekalkan Hubungan Bersama Dia Bila-bila, Di Mana Sahaja, Apa Jua Cara

*Pengajaran Berkunjung adalah tentang pelayanan. Yesus melayani bila-bila dan di mana-mana saja. Kita boleh berlaku sedemikian juga.*

“Melayan” bermaksud memberi pelayanan, menjaga, atau membantu untuk menyumbang kepada kesejahteraan atau kegembiraan orang lain. Pengajaran berkunjung adalah untuk menemui pelbagai cara untuk melayan mereka yang kita kunjungi. Yesus melayani semua—bila-bila dan di mana-mana saja. Dia memberi makan 5,000 orang, menenteramkan Maria dan Marta ketika kematian abang mereka, dan mengajar injil-Nya kepada wanita di perigi. Dia lakukan kerana kasih-Nya yang ikhlas.

Dengan mengikut teladan-Nya, sebagai pengajar berkunjung, kita akan mengenali dan mengasihi setiap saudara yang kita kunjung, ingati bahawa kasih merupakan asas dalam segala yang kita lakukan. Apabila kita mendoakan ilham untuk mengetahui bagaimana kita melayaninya dan membantu memperkuat imannya, “malaikat-malaikat tidak dapat dihentikan daripada menjadi persekutuan [kita].”<sup>1</sup>

Dari pengorganisasian Lembaga Pertolongan pada tahun 1842

sehinggalah hari ini, layanan kaum wanita telah memberkati kehidupan ramai orang. Contohnya, Joan Johnson, seorang balu berumur 82 tahun, dan teman pengajar berkunjungnya mengunjungi jiran mereka yang berumur 89 tahun dan diserang penyakit pneumoniam. Mereka perhati bahawa jiran mereka memerlukan kunjungan lebih dari sekali sebulan sahaja, jadi mereka mula mengunjungi dia secara lawatan atau telefon setiap minggu.

Bagi pengajar berkunjung yang lain, satu hantaran SMS atau email yang penuh galakan mungkin cukup baik untuk saudara tersebut pada bulan itu. Membuat perhubungan peribadi dan mendengar dengan kasih merupakan asas pengajar berkunjung. Teknologi moden dan kunjungan bersama membantu kita melakukannya bila-bila masa, di mana sahaja, dan melalui pelbagai cara.<sup>2</sup> Itulah merupakan layanan sebagaimana Yesus telah lakukan.

## NOTA

1. *Teachings of Presidents of the Church: Joseph Smith* (2007), 454.
2. Lihat *Handbook 2: Administering the Church* (2010), 9.5.1.

## Pertimbangkanlah Ini

Bagaimanakah kita boleh berhenti berasa bimbang berkenaan “apa yang di ambil kira” untuk pengajaran berkunjung dan sebaliknya memberi tumpuan akan apa yang setiap saudara perlukan dari pengajar berkunjungnya?

## Melayani

Sebalik pesanan spesifik, muka surat ini akan menampilkan asas yang berbeza setiap bulan untuk membantu kita melayani sesama dengan lebih berkesan. Semasa anda berdoa dan mencari ilham, anda akan ketahui pesanan rohani dan layanan yang diperlukan oleh setiap saudara.